



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PERASMIAN KONVENSYEN NGO

LOKASI / TARIKH / MASA

EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA / 1 APRIL 2021 / KHAMIS / 10.30 PAGI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, hasrat saya untuk mengadakan sesi libat urus bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan yakni NGO dapat direalisasikan pada hari ini.
2. **Saya mengucapkan terima kasih kepada semua NGO yang sudi meluangkan masa untuk turut serta dalam Konvensyen ini. Pertemuan seperti ini adalah amat penting diadakan supaya Kerajaan boleh mendengar secara langsung aspirasi dan harapan di pihak NGO terhadap Kementerian.**

3. Kita mahu mendengar dan mengambil kira pandangan serta idea dari NGO kerana ia merupakan refleksi daripada kehendak masyarakat kepada Kerajaan.

(B) TEMA “PRIHATIN BERSAMA”

4. Saya percaya pertemuan kita kali ini adalah pertemuan yang penuh bermakna. Kita berada dalam dewan ini bukan sekadar menjayakan konvensyen semata-mata, akan tetapi keberadaan kita merupakan simbolik kepada RASA KEBERSAMAAN.
5. Rasa kebersamaan ini bukan sekadar menjadikan kita SAHABAT, malah kita menjadi RAKAN SINERGI MULTISEKTORAL yang akan sama-

sama berjuang memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat dan negara. Atas kebersamaan ini, tema **“PRIHATIN BERSAMA”** kita zahirkan.

6. Dengan semangat kebersamaan, kita akan saling lengkap melengkapi, dan bantu-membantu. Insya-Allah semua kerja akan jadi mudah. **Ingatlah “Seikat Bak Sireh, Serumpun Bak Serai”, kerjasama yang kita garapkan akan menjadikan kita bertambah kuat, dan menghasilkan “outcome” yang lebih berimpak dan dapat dinikmati oleh sebilangan masyarakat yang kurang bernasib baik di negara ini.**

(C) BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN

7. Kerajaan Perikatan Nasional adalah Kerajaan yang Prihatin dan tidak pernah meminggirkan NGO. Keprihatinan ini dapat dilihat menerusi Bantuan Khas Perbendaharaan dan inisiatif PENJANA yang diumumkan pada tahun lepas telah memperuntukan sejumlah **RM6.5 JUTA RINGGIT** untuk dimohon oleh NGO bagi pelaksanaan program bantuan sosial kepada golongan mudah terjejas, khususnya kumpulan sasar Kementerian.

8. Oleh yang demikian, peranan NGO dalam membantu menjalankan program-program pembangunan kumpulan sasar Kementerian, sangat penting ke arah membangunkan Malaysia yang sejahtera. Sesungguhnya

NGO merupakan **mata dan telinga Kementerian**. Apa yang berlaku di peringkat akar umbi dapat dilaporkan kepada Kementerian dengan kadar segera dan seterusnya pihak Kementerian boleh susulkan dengan tindakan lanjut. **Hatta, NGO merupakan “Helping Hands” kepada Kerajaan yang turut membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif Kerajaan.**

9. Saya berharap, **NGO dapat terus menjadi “pemangkin” antara Kerajaan dan rakyat agar inisiatif-inisiatif Kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat, seterusnya “Tiada Yang Tertinggal” dalam menikmati manfaatnya.**

(D) KENAIKAN BANTUAN DI BAWAH BELANJAWAN 2021

10. Bercakap berkenaan inisiatif Kerajaan, pelbagai inisiatif seperti PRIHATIN, PENJANA, PERMAI dan yang terbaharu PEMERKASA telah dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah kepimpinan **YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Abah yang kita sayangi untuk terus menyantuni dan membantu rakyat yang memerlukan.**

11. Saya selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa meletakkan kebajikan rakyat sebagai keutamaan Kementerian. Keprihatinan ini **bukan sekadar pada nama,** namun **ia diterjemahkan dengan peningkatan-peningkatan bantuan kepada kumpulan sasaran Kementerian ini.** Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan Perikatan

Nasional telah mengumumkan pelbagai kenaikan **kadar bantuan kebajikan bulanan** seperti berikut:

(i) **KENAIKAN BANTUAN OKU:**

- **Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja** dinaikkan daripada **RM250 kepada RM300** dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;
- **Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450** dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan

- **Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar** dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.

- (ii) **KADAR BANTUAN ORANG TUA** turut dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.

- (iii) **KADAR BANTUAN KANAK-KANAK** Keluarga Miskin daripada RM100 seorang anak dengan maksimum **RM450 sekeluarga**, dinaikkan kepada **RM150** bagi seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau **RM200** bagi seorang anak berumur 6 tahun

dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai **63,000 penerima.**

12. Kenaikan-kenaikan bantuan ini jelas **membuktikan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional amat peka dengan keadaan semasa** yang mana bantuan-bantuan kepada kumpulan sasar perlulah mencukupi melihat kepada kenaikan kos sara hidup rakyat masa kini.

13. Namun, **sayangnya, apabila saya turun ke padang, masih ada kumpulan sasar yang tidak maklum akan kenaikan-kenaikan bantuan ini.** Saya kira liputan radar perkhabaran baik ini tidak sampai ke pengetahuan mereka.

14. Menyedari hakikat ini, saya memohon agar semua NGO yang berada di hadapan saya dapat menjadi **“AGEN PENYAMPAI”** inisiatif kenaikan-kenaikan bantuan yang diumumkan oleh Kerajaan ini kepada kumpulan sasaran yang berkaitan, agar mereka sama-sama ketahui dan menikmati manfaat daripada pengumuman Kerajaan tersebut.

(E) **HARAPAN**

15. **Saya berharap jadikanlah platform pada hari ini sebagai satu peluang perbincangan yang rasional dan matang kerana kita sama-sama mahukan yang terbaik untuk negara kita. Inilah masanya kita**

bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu yang memberikan manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

16. Saya berharap lebih banyak **proses libat urus seperti ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan.** Kementerian sentiasa **terbuka dan mengalu-alukan sebarang pandangan dan idea** untuk memastikan usaha-usaha membantu dan membangunkan kumpulan sasar adalah usaha bersama. Sekiranya ia dilakukan bersendirian, mana mungkin impak yang besar akan dapat kita realisasikan.

(F) PENUTUP

17. Mengakhiri ucapan saya, saya akhiri dengan serangkap pantun berikut:

**Nasi Lemak Santan Berlada
Dihidang Sama Buah Bidara
Kerajaan Dan Ngo Berpisah Tiada
Sama Berganding Membangun Negara**

Akhirul kalam, dengan kalimah suci “Bismillahir Rahmanir Rahim” **saya merasmikan Konvensyen NGO Tahun 2021 dengan tema “Prihatin Bersama”**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Sekian, Terima Kasih

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
1 APRIL 2021